

**P.U. (A) 275.**

**AKTA PELINDUNGAN PENGGUNA 1999**

**PERATURAN-PERATURAN PELINDUNGAN PENGGUNA (STANDARD  
KESELAMATAN BAGI MAINAN) 2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Pelindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Standard Keselamatan bagi Mainan) 2009**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 30 Januari 2010.

**Standard keselamatan bagi mainan**

2. (1) Penentuan standard yang diisytiharkan di bawah seksyen 15 Akta Standard Malaysia 1996 [*Akta 549*] sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai standard keselamatan bagi mainan bagi maksud seksyen 19 Akta ini.

(2) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, “mainan” ertinya mana-mana barang yang direka bentuk atau dimaksudkan bagi kegunaan permainan oleh kanak-kanak yang berumur kurang daripada empat belas tahun tetapi tidak termasuk barang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Bagi mengelakkan kekeliruan, mana-mana mainan yang merupakan pelengkap bagi barang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua adalah tertakluk kepada standard keselamatan yang ditetapkan dalam subperaturan (1).

JADUAL PERTAMA  
[Subperaturan 2(1)]

STANDARD KESELAMATAN BAGI MAINAN

<i>Bil.</i>	<i>Nombor Penentuan</i>	<i>Bahagian</i>	<i>Tahun</i>	<i>Penentuan</i>
1.	MS ISO 8124-1	-	2001	<i>Safety of Toys – Part 1: Safety aspects related to mechanical and physical properties</i>
2.	MS ISO 8124-2	-	1999	<i>Safety of Toys – Part 2: Flammability</i>
3.	MS ISO 8124-3	-	2002	<i>Safety of Toys – Part 3: Migration of certain elements</i>
4.	MS 1774	<i>Part 4</i>	1998	<i>Safety of toys – Part 4: Experimental sets for chemistry and related activities</i>
5.	MS 1774	<i>Part 5</i>	1998	<i>Safety of toys – Part 5: Chemical toys (sets) other than experimental sets</i>
6.	MS 1774	<i>Part 6</i>	1998	<i>Safety of toys – Part 6: Graphical symbol for age warning labelling</i>
7.	MS 1725	-	2004	<i>Safety of electric toys</i>

JADUAL KEDUA  
[Superaturan 2(2)]

BARANG YANG TIDAK DIANGGAP SEBAGAI MAINAN

1. Perhiasan perayaan
2. Kelengkapan yang dimaksudkan untuk digunakan secara bersama di taman permainan
3. Kelengkapan rumah dan taman permainan awam
4. Barang dan kelengkapan sukan, barang berkhemah, kelengkapan olahraga, alat muzik dan perabot
5. Kelengkapan akuatik yang dimaksudkan untuk digunakan dalam laut dalam
6. Barang koleksi yang bukan dimaksudkan bagi kanak-kanak di bawah umur empat belas tahun
7. Mainan yang dipasang di tempat awam (pusat membeli belah, arked, dll.)
8. Susun suai gambar yang melebihi 500 keping atau tanpa gambar, bagi pakar
9. Senapang dan pistol yang beroperasi dengan gas dan udara termampat
10. Bunga api termasuk kepala tukul, kecuali kepala tukul yang direka bentuk khas bagi mainan

11. Lastik
12. Damak yang bermuncung logam
13. Ketuhar elektrik, seterika atau barang lain yang boleh berfungsi dan beroperasi pada voltan nominal lebih daripada 24 V
14. Barang yang mengandungi elemen pemanasan yang dimaksudkan bagi kegunaan di bawah pengawasan orang dewasa dalam konteks pembelajaran
15. Model pesawat, roket, bot dan kenderaan darat yang berkuasa enjin pembakar
16. Mainan berkuasa enjin wap
17. Basikal, kecuali basikal yang mempunyai ketinggian tempat duduk maksimum 435 mm
18. Mainan video yang boleh disambungkan kepada skrin video dan beroperasi pada voltan melebihi 24 V
19. Puting mainan
20. Senjata buatan yang menyerupai senjata api sebenar
21. Barang kemas hiasan bagi kanak-kanak
22. Kit model, barang hobi dan kraf yang hasilnya bukan mempunyai tujuan utama untuk permainan
23. Busur bagi memanah dengan panjang keseluruhan ketika pegun melebihi 120 cm
24. Layang-layang, kecuali layang-layang dengan tali yang mempunyai penebat elektrik
25. Permainan hiburan berjentera
26. Alat mudah alih yang mengeluarkan cahaya yang menarik perhatian kanak-kanak

Dibuat 28 Julai 2009  
[PUU(U<sup>2</sup>)26/2/5; PN(PU<sup>2</sup>)607/II]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kewangan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA